



UMP jalin kerjasama program dwi-ijazah

BERITA HARIAN 24/10/2015 m/s 32

» Program UMP, universiti di Jerman dilihat contoh kepada IPT lain

Oleh Asrol Awang
bhnews@bh.com.my

Kuantan

Universiti Malaysia Pahang (UMP) terus unggul menjayakan program pengtarabangsaan dilakukannya melalui pembinaan jaringan kerjasama akademik yang kukuh dengan Jerman.

Melalui program kerjasama strategik itu, graduan dihasilkan

mampu berdaya saing di peringkat global di samping mengekalkan imej UMP sebagai antara universiti yang menghasilkan graduan berkualiti dalam pasaran tempatan.

Model kerjasama

Model kerjasama akademik bagi program dwi-ijazah Kejuruteraan Mekatronik dan Kejuruteraan Automotif dengan Universiti Sains Gunaan Karlsruhe (HSKA) serta program dwi-ijazah Kejuruteraan Perniagaan dengan Universiti Reutlingen, Jerman dilihat sebagai contoh yang cemerlang kepada universiti lain di Malaysia.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, program dwi-ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Automotif dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik UMP-HSKA kini memasuki tahun keenam

dan kerjasama dengan Universiti Reutlingen dalam program kerjasama Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan Kepujian pula ada pertama seumpamanya di negara ini sekali gus meningkatkan nilai kebolehpasaran graduan UMP.

Beliau berkata, program dwi-ijazah yang mulai ditawarkan tahun ini membolehkan pelajar memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dan Ijazah Sarjana Muda Operasi Antarabangsa dan Pengurusan Logistik dari Universiti Reutlingen dan bakal didedahkan dengan teknologi serta kejuruteraan Jerman, katanya.

"Bidang berkaitan kerjaya ini antaranya adalah eksekutif pengeluaran, jurutera, perancang pembuatan, jurutera proses kejuruteraan, jurutera industri, eksekutif logistik, eksekutif rantaian pembekal, eksekutif kualiti atau jurutera, eksekutif projek, ekse-

kutif pembangunan perniagaan dan dalam bidang berkaitan perolehan.

Peluang lanjut pengajian

"Pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik berpeluang melanjutkan pengajian mereka pada tahun ketiga dan keempat di Universiti Reutlingen dan bakal didedahkan dengan teknologi serta kejuruteraan Jerman," katanya.

Katanya, bekas Duta Besar Jerman ke Malaysia, Dr Gunter Gruber banyak memainkan peranan penting dalam menjayakan inisiatif pengantarabangsaan UMP melalui kerjasama akademik dengan universiti di Jerman sepanjang tempoh perkhidmatannya di Malaysia dari 2008 hingga 2013.



Daing Nasir Ibrahim

"Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Kejuruteraan Perniagaan) kepada Dr Gunter atas sumbangan beliau kepada UMP bersempena Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-10 baru-baru ini," katanya.

Sementara itu, Gruber berkata, UMP sudah mengambil langkah tepat dengan melakukan inisiatif berkenaan yang dapat memberi faedah kepada pelajar mereka.

"Saya difahamkan, pelaksanaan Sistem Profil Pelajar (SPS) di universiti juga mampu memenuhi kehendak industri moden masa kini yang memerlukan graduan bukan hanya bijak akademik, tetapi berketerampilan dalam kemahiran insaniah dan kemahiran interpersonal," kata-nya.

Katanya, sehingga kini 66 pelajar UMP sudah menjalani latihan industri di luar negara antaranya di negara China, Jerman, India, Korea, United Kingdom, Arab Saudi dan Singapura.

Berdasarkan rekod UMP, katanya, sebanyak 87.5 peratus pelajar mereka berjaya mendapatkan pekerjaan selepas enam bulan menamatkan pengajian.